

Headline	Pesakit Berlin rasa seronok sembuh jangkitan HIV		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	26 Jul 2012	Color	Black/white
Section	Dunia/Asean	Circulation	29,826
Page No	8	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	200 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 412
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,236



'Pesakit Berlin' rasa seronok sembuh jangkitan HIV

WASHINGTON: Satu-satunya orang yang dipercayai sembuh daripada jangkitan HIV melalui pemindahan tulang sumsum berkata Selasa lepas, dia berasa seronok dan melancarkan sebuah yayasan baru untuk mempertingkatkan penyelidikan bagi mendapatkan penawar.

Timothy Ray Brown (**gambar**), 47, dari Seattle, Washington, melakar nama sebagai "pesakit Berlin" selepas doktor mencuba teknik baru dengan menggunakan penderma kalis HIV untuk pemindahan sel stem bagi merawat penyakit leukemia yang dihidapi oleh Brown.

Sejak 2007, dia menjalani dua pemindahan tulang sumsum berisiko tinggi dan kekal diuji negatif untuk HIV, memeranjatkan penyelidik dan membuka ruangan baru bagi penyelidikan terapi gen yang berpotensi menjurus kepada pendekatan yang lebih diterima.

"Saya adalah bukti hidup bahawa terdapat penawar untuk AIDS," kata Brown. "Ia amat menyeronokkan kerana sembuh daripada HIV."

Brown kelihatan lemah apabila dia bercakap kepada pemberita di Washington di mana Persidangan AIDS Antarabangsa Ke-19, perhimpunan pakar saintifik, menteri dan penyokong terbesar di dunia.

Pemindahan tulang sumsum yang diterimanya membawa risiko signifikan dan boleh membawa maut kepada satu dalam lima pesakit yang menjalaninya. Namun, katanya, aduan tunggalnya adalah pening kepala.

Dia turut berkata dia menyedari keadaannya menimbulkan kontroversi, namun, menyangkal dakwaan beberapa saintis yang percaya masih terdapat kesan HIV di dalam badannya dan masih boleh menyebarkan-nya kepada orang lain.

"Ya, saya sudah sembuh,"

katanya. "Saya HIV negatif."

Brown berkata dia menyokong penuh usaha agresif ke arah pencarian penawar universal, dan sudah berjumpa dengan beberapa saintis terkemuka yang melayannya seperti "superstar."

Katanya, dia berharap untuk mempergunakan popularitinya untuk menggalakkan penderma membayai lebih banyak penyelidikan, dan menyatakan Eropah dan China membelanjakan lebih banyak wang untuk penyelidikan penawar berbanding Amerika Syarikat.

"Terdapat ribuan penyelidik berkeupayaan yang tidak mendapat pembiayaan penyelidikan, jadi saya mahu mengubah keadaan itu. Dan terdapat ramai penyelidik yang sanggup bekerja untuk mencari penawar kepada HIV."

Brown merupakan seo-

rang penuntut di Berlin, Jerman, apabila dia diuji positif dengan HIV pada 1995 dan diberitahu dia mungkin hanya mempunyai dua tahun untuk hidup.

Namun, gabungan terapi antiretroviral muncul di pasaran global setahun kemudian, dan mengubah HIV dari 'hukuman mati' kepada keadaan yang boleh dikawal untuk jutaan orang di seluruh dunia. - AFP

